

HUBUNGAN GAYA KEPIMPINAN GURU BESAR TERHADAP
PENGLIBATAN IBU BAPA DI SEKOLAH RENDAH AGAMA BERSEPADU
(SRAB) MUAR

MOHD HAZLI BIN ANUAR

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

HUBUNGAN GAYA KEPIMPINAN GURU BESAR TERHADAP
PENGLIBATAN IBU BAPA DI SEKOLAH RENDAH AGAMA
BERSEPADU (SRAB) MUAR

MOHD HAZLI BIN ANUAR

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan
(Pengurusan dan Pentadbiran)

Fakulti Pendidikan
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

JANUARI 2014

DEDIKASI

Khas buat insan mulia,

Hawa Binti Mohamd Din

Hj. Mohd. Noh Bin Hamdan

Anuar Bin Kasiman

Hj. Abdul Kadir Bin Mayan

Hjh. Rosnah Binti Mohd Ali

kalian telah banyak mendoakan kejayaan dalam hidup saya

Isteri tercinta & Anak-anak dikasihi,

Fadhilah Binti Abdul Kadir

Asma' Husna Binti Mohd Hazli

Abdullah Awwad Bin Mohd Hazli

anda sumber inspirasi saya

Jazakumullahu khairal jaza'

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani. Alhamdulillah *ala kulli rizqin wa kulli nia'min*. Rasa syukur ini dipanjatkan ke hadrat Allah S.W.T. Kerana keizinan dan inayahNya yang melimpah ruah, akhirnya siap juga kajian ilmiah ini dengan jayanya.

Sekalung penghargaan ditujukan terutamanya kepada Tn. Hj. Hassan Bin Hushin. Dari awal hingga akhir menyelia kajian ini. Akhirnya terhasil juga laporan kajian dengan sempurna. Segala jasa dan tunjuk ajar yang tidak berbelah bagi diucapkan ribuan terima kasih. Tidak lupa kepada para pensyarah UTM yang lain. Curahan ilmu yang ikhlas itu membawa ke syurga. Kepada rakan-rakan guru serta pihak pentadbiran di SK Paya Redan, pengorbanan yang dilakukan hanya Allah jua membalasnya. Terima kasih tidak terhingga kepada rakan-rakan teman kehidupan, Pejabat Pelajaran Daerah Muar, Jabatan Pelajaran Johor dan Kementerian Pelajaran Malaysia di atas sokongan yang diberikan.

Akhir sekali ucapan terima kasih ditujukan kepada Tn. Hj. Romli Bin Ali, guru besar Sekolah Rendah Agama Bersepadu (SRAB) daerah Muar serta guru-guru di sana atas kerjasama yang sungguh erat. *Kullu 'am wa antum bikhairin*.

Pulau Pandan jauh ke tengah,

Gunung Daik bercabang tiga,

Hancur badan dikandung tanah,

Budi yang baik dikenang jua.

ABSTRAK

Penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak merupakan suatu lapangan dahulu yang memerlukan perhatian yang baharu oleh semua pihak. Negara Malaysia rancak mengejar kemajuan. Pencapaian murid dalam sektor pendidikan sering menjadi ukuran. Ibu bapa kini terlalu sibuk dengan kerjaya. Guru-guru pula dibebani dengan tugas luar daripada mengajar. Justeru pemimpin di sekolah samada guru besar atau pengetua perlu memainkan peranan kepimpinannya dengan efektif. Kajian ini bertajuk hubungan gaya kepimpinan guru besar terhadap penglibatan ibu bapa di Sekolah Rendah Agama Bersepadu (SRAB) Muar. Kajian ini adalah kajian kuantitatif. Soal selidik gaya kepimpinan adalah berasaskan 6 gaya kepimpinan Daniel Goleman (2000) manakala soal selidik penglibatan ibu bapa pula diadaptasi daripada Sarana Sekolah (2013). Perisian *Statistical Package for Social Sceinces* (SPSS) v19.0 digunakan untuk menjalankan analisis ke atas data yang dikumpul. Hasil analisis objektif pertama mendapati guru besar sekolah ini mengamalkan gaya Kepimpinan Autoritatif dengan nilai min sebanyak 3.46. Hasil analisis objektif kedua pula mendapati penglibatan ibu bapa yang diamalkan di sekolah aliran agama ini adalah Keputusan Bersama dengan nilai min sebanyak 3.87. Untuk objektif ketiga kajian pula mendapati nilai pekali korelasi r bagi kedua-dua pembolehubah adalah 0.073 iaitu pada tahap tidak terdapat hubungan. Manakala nilai p ialah 0.653 yang menunjukkan bahawa nilai p adalah lebih besar dari aras signifikan yang ditetapkan iaitu 0.05. Ini bermakna tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara gaya kepimpinan guru besar terhadap penglibatan ibu bapa di Sekolah Rendah Agama Bersepadu (SRAB) Muar. Penglibatan ibu bapa dalam pendidikan adalah keperluan alaf baru. Justeru pemimpin sekolah dan ibu bapa perlu bersama-sama membuka pintu paradigma perubahan agar masing-masing mendapat manfaat untuk kebaikan generasi akan datang.

ABSTRACT

The involvement of parents through children education was a late field of experiments that needs a brand new attention from all over the parties. Malaysia was one of the fastest growing nations on economies. The children performances in education are always being measured. In the mean time, parents were too busy for their career. The teachers nowadays were too burden with tasks more often outside than teachings. Therefore the leader of the school (headmaster) should play the role of leadership; the-effective-one. This research title was; The relations of leadership style into parental involvement in Sekolah Rendah Agama Bersepadu (SRAB) Muar. This is a quantitative research. Questionnaires are base on 6 styles of leadership defined by Daniel Goleman (2000) and the other one is adapted from Sarana Sekolah (2013). *Statistical Package for Social Sceinces* (SPSS) v19.0 software was used to run the statistic into the raw data that had been collected. The result from the first objective studied found that the headmaster of the school was applying an Authoritative Leadership Style with amount of mean 3.46. The second result identified the involvement of parents in education recorded was a Making Decision Together with amount of mean at 3.87. By the way, the third objective of the research declared the correlation r for both variables was at 0.073 means that there was no relationship. The p amount was at 0.653 shows the amount presented bigger than the significant counter at 0.05. These finding tells that there are no significant relation between leadership styles through the involvement of parents in education at Sekolah Rendah Agama Bersepadu (SRAB) Muar. The engagement of parents through the children education was a new educational order. Therefore the leader of the school and the parents of the students should open the paradigm. Together they gain the benefit for the sake of the next generation.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKASURAT
	PENGESAHAN STATUS TESIS	
	PENGESAHAN PENYELIA	
	JUDUL	i
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xii
	SENARAI RAJAH	xv
	SENARAI SINGKATAN	xvi
	SENARAI SIMBOL	vii
	SENARAI LAMPIRAN	xix
1	PENDAHULUAN	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	8
	1.3 Pernyataan Masalah	16
	1.4 Objektif Kajian	26
	1.5 Persoalan Kajian	26

1.6	Kepentingan Kajian	27
1.7	Batasan Kajian	28
1.8	Definisi Operasi	29
1.8.1	Gaya Kepimpinan	29
1.8.2	Guru Besar	30
1.8.3	Penglibatan Ibu Bapa	30
1.9	Rumusan	32

2 KAJIAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	33
2.2	Sekolah Agama Kerajaan Johor	33
2.3	Kajian Lepas	36
2.3.1	Kajian Dalam Negara	36
2.3.2	Kajian Luar Negara	39
2.4	Daniel Goleman (2000)	41
2.5	Program Sarana Kementerian Pelajaran Malaysia (2013)	51
2.5.1	Sarana Sekolah (2013)	52
2.5.2	Sarana Ibu Bapa (2013)	57
2.5.3	Kaitan Antara Program Sarana Sekolah dan Gaya Kepimpinan Daniel Goleman	59
2.6	Sekolah Rendah Agama Bersepadu (SRAB) daerah Muar	60
2.6.1	Sejarah Penubuhan	62
2.6.2	Visi dan Misi	62
2.6.3	Keistimewaan dan Keunikan	63
2.6.4	Program Bersama Antara Pihak Sekolah dan Ibu Bapa di Sekolah Rendah Agama Bersepadu (SRAB) daerah Muar	66

2.7	Rumusan	68
3	METODOLOGI KAJIAN	
3.1	Pendahuluan	69
3.2	Reka Bentuk Kajian	69
3.3	Lokasi Kajian	71
3.4	Populasi Dan Sampel Kajian	71
3.4.1	Populasi	72
3.4.2	Sampel	72
3.5	Instrumen Kajian	75
3.5.1	Bahagian A	75
3.5.2	Bahagian B	80
3.6	Ujian Kebolehpercayaan	87
3.7	Kajian Rintis	88
3.8	Analisis Data	88
3.9	Statistik Inferens	90
3.9.1	Ujian Korelasi-Pearson	90
3.10	Proses Kajian	92
3.11	Rumusan	94
4	ANALISIS DATA	
4.1	Pengenalan	95
4.2	Dapatan Kuantitatif (1)	96
4.2.1	Demografi (1)	96

4.2.2	Soal Selidik Gaya Kepimpinan	98
4.3	Dapatan Kuantitatif (2)	106
4.3.1	Demografi (2)	106
4.3.2	Soal Selidik Penglibatan Ibu Bapa di Sekolah Rendah Agama Bersepadu (SRAB) Muar	107
4.4	Hubungan Antara Gaya Kepimpinan Terhadap Penglibatan Ibu Bapa	116
4.5	Rumusan	119

5 DAPATAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1	Pendahuluan	120
5.2	Rumusan	120
5.3	Perbincangan	122
5.3.1	Gaya Kepimpinan Autoritatif	123
5.3.2	Penglibatan Ibu bapa Elemen Keputusan Bersama	126
5.3.3	Hubungan Gaya Kepimpinan Terhadap Penglibatan Ibu Bapa di Sekolah Rendah Agama Bersepadu (SRAB) Muar	130
5.3.4	Faktor Menyebabkan Tidak Terdapat Hubungan Antara Gaya Kepimpinan Autoritatif Terhadap Penglibatan Ibu Bapa Di Sekolah Kajian	132
5.4	Rumusan	139
5.5	Cadangan	140

5.6	Penutup	142
	RUJUKAN	143
	LAMPIRAN A-H	143-168
	BIBLIOGRAFI	169

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	PERKARA	MUKA SURAT
1.1	Kategori sekolah aliran agama di negara Malaysia	5
2.2	Enam gaya kepimpinan Daniel Goleman (2000) daripada <i>Harvard Business Review</i> (2000)	44
2.5	Kejayaan Sekolah Rendah Agama Bersepadu (SRAB) Muar dalam aspek ko-akademik sepanjang tahun 2012 dan 2013	64
2.6	Kejayaan Sekolah Rendah Agama Bersepadu (SRAB) Muar dalam acara sukan dan permainan sepanjang tahun 2012 dan 2013	64
2.7	Analisis pencapaian UPSR Sekolah Rendah Agama Bersepadu (SRAB) Muar dari tahun 2004 hingga 2012	66
3.1	Senarai sampel soal selidik gaya kepimpinan	73
3.2	Senarai sampel soal selidik penglibatan ibu bapa	74
3.3	Item ujian untuk gaya Kepimpinan Keteladanan	76
3.4	Item ujian untuk gaya Kepimpinan Melatih	76
3.5	Item ujian untuk gaya Kepimpinan Gabungan	77
3.6	Item ujian untuk gaya Kepimpinan Demokratik	78
3.7	Item ujian untuk gaya Kepimpinan Autoritatif	79
3.8	Item ujian untuk gaya Kepimpinan Paksaan	80
3.9	Item ujian untuk elemen Komunikasi Berkesan	81
3.10	Item ujian untuk elemen Sokongan Terhadap Kejayaan Murid	82
3.11	Item ujian untuk elemen Iklim Sekolah	83
3.12	Item ujian untuk elemen Keputusan Bersama	84
3.13	Item ujian untuk elemen Kerjasama Dengan Komuniti	84

3.14	Item ujian untuk elemen Tanggungjawab Bersama	85
3.16	Analisis data kajian	89
3.17	Julat skor min oleh Mohd Majid (1990)	90
3.18	Standard interpretasi korelasi adaptasi Herman (1994)	91
4.1	Analisis demografi Soal Selidik Gaya Kepimpinan Bahagian A	97
4.2	Min dan sisihan piawai untuk gaya Kepimpinan Keteladanan	98
4.3	Min dan sisihan piawai untuk gaya Kepimpinan Melatih	99
4.4	Min dan sisihan piawai untuk gaya Kepimpinan Gabungan	100
4.5	Min dan sisihan piawai untuk gaya Kepimpinan Demokratik	101
4.6	Min dan sisihan piawai untuk gaya Kepimpinan Autoritatif	102
4.7	Min dan sisihan piawai untuk gaya Kepimpinan Paksaan	103
4.8	Hasil jumlah keseluruhan min dan sisihan piawai serta jumlah purata analisis gaya kepimpinan guru besar SRAB Muar	104
4.9	Analisis demografi Soal Selidik Penglibatan Ibu Bapa Bahagian A.	106
4.10	Taburan item Elemen Penglibatan Ibu Bapa	108
4.11	Min dan sisihan piawai untuk penglibatan ibu bapa elemen Komunikasi Berkesan	109
4.12	Min dan sisihan piawai untuk penglibatan ibu bapa elemen Sokongan Terhadap Kemajuan Murid	110
4.13	Min dan sisihan piawai untuk penglibatan ibu bapa elemen Iklim Sekolah	110
4.14	Min dan sisihan piawai untuk penglibatan ibu bapa elemen Keputusan Bersama	111
4.15	Min dan sisihan piawai untuk penglibatan ibu bapa elemen Kerjasama Dengan Komuniti	112
4.16	Min dan sisihan piawai untuk penglibatan ibu bapa elemen Tanggungjawab Bersama	113

4.17	Hasil jumlah keseluruhan min dan sisihan piawai serta jumlah purata bagi elemen Penglibatan Ibu Bapa	115
4.18	Jumlah purata min dan sisihan piawai bagi gaya kepimpinan dan penglibatan ibu bapa	117
4.19	Korelasi gaya kepimpinan terhadap penglibatan ibu bapa di Sekolah Rendah Agama Bersepadu (SRAB) Muar	118
5.1	Ringkasan hasil analisis mengikut objektif kajian	122
5.2	Tiga elemen penglibatan ibu bapa yang paling hampir	129

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	PERKARA	MUKA SURAT
1.2	Senarai sekolah-sekolah (SRAB) seluruh negeri Johor	8
1.3	Bilangan kes jenayah mengikut tahun	18
2.1	Kronologi Sekolah Agama Kerajaan Negeri Johor	35
2.3	Enam Elemen Sarana Sekolah	52
2.4	Empat Elemen Sarana Ibu Bapa	52
3.15	Taburan skala kebolehppercayaan dan kekuatan perkaitan daripada Hair <i>et al.</i> (2007)	87
3.19	Empat kerangka proses kajian ubahsuai Wallace (1983)	93
5.3	Responsibiliti Berasingan	137
5.4	Responsibiliti Bergantung Pada Keadaan	137
5.5	Responsibiliti Penyertaan Bersama	138

SENARAI SINGKATAN

B. Arab	Bahasa Arab
Bil.	Bilangan
En.	Encik
FPI	Falsafah Pendidikan Islam
FPN	Falsafah Pendidikan Negara
GPS	Gred Purata Sekolah
Hj.	Haji
JAJ	Jabatan Agama Johor
JPN	Jabatan Pelajaran Negeri
j-QAF	Akronim; Jawi, al-Quran, Arab, Fardhu Ain
KAA	Kelas Aliran Agama
Kem.	Kementerian
KBSR	Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
LPS	Lembaga Pengelola Sekolah
MEdSI	<i>Malaysian Educators Selection Inventory</i>
Men.	Menengah
MoU	<i>Memorandum Of Understanding</i>
MPM	Majlis Peperiksaan Malaysia
MSSD	Majlis Sukan Sekolah Daerah
MSSJ	Majlis Sukan Sekolah Johor
MUS	Minggu Ukhuwah Sekolah
PBS	Pentaksiran Berasaskan Sekolah
Pel.	Pelajaran
Ph.D.	<i>Doctor of Philosophy</i>
PIBG	Persatuan Ibu Bapa dan Guru
PIPP	Pelan Induk Pembangunan Pendidikan

PPD	Pejabat Pelajaran Daerah
PPAD	Pejabat Pelajaran Agama Daerah
PPP	Pelan Pembangunan Pendidikan
R.A	<i>RadhiAllahu A'nhu / A'nha</i>
Ren.	Rendah
Sek.	Sekolah
SABK	Sekolah Agama Bantuan Kerajaan
SABKR	Sekolah Agama Bantuan Kerajaan Rendah
SABKM	Sekolah Agama Bantuan Kerajaan Menengah
SAN	Sekolah Agama Negeri
SAKJ	Sekolah Agama Kerajaan Johor
SAR	Sekolah Agama Rakyat
S.A.W	<i>Sollallahu Alaihi Wasallam</i>
Sg.	Sungai
SMKA	Sekolah Menengah Kebangsaan Agama
SPSS	<i>Statistical Package for Social Scaince</i>
SRAB	Sekolah Rendah Agama Bersepadu
SSE	Status Sosio Ekonomi
STAM	Sijil Tinggi Agama Malaysia
STPM	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
S.W.T	<i>Subhanahu Wa Ta'ala</i>
TAJ	Tadika Agama Johor
Tn.	Tuan
UPSR	Ujian Penilaian Sekolah Rendah
UTM	Universiti Teknologi Malaysia
YDP	Yang di-Pertua

SENARAI SIMBOL

$\%$	-	Peratus
p	-	Nilai Signifikan
r	-	Korelasi
$=$	-	Sama Dengan
\leq	-	Lebih Kurang Atau Sama Dengan
H_a	-	Hipotesis Alternatif
H_o	-	Hipotesis Null

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Borang Soal Selidik Bahagian A	143
B	Borang Soal Selidik Bahagian B	148
C	Surat Kelulusan Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan	153
D	Surat Kelulusan PPD Muar	154
E	Surat Pengesahan Status Pelajar	155
F	Nilai Analisis Data Gaya Kepimpinan	156
G	Nilai Analisis Data Penglibatan Ibu Bapa	162
H	Nilai Analisis Ujian Korelasi Pearson	168

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Abad ke-21 mengangkat darjat ilmu pengetahuan sebagai suatu prospek masa depan yang berpotensi membawa pulangan lumayan. Maka pusat pendidikan yang baru, bidang pengajian yang kreatif dan kaedah pengajaran yang moden telah tumbuh seperti cendawan selepas hujan. Pelan pendidikan jangka panjang, dasar pendidikan yang baru, dan kemasukan pelajar di awal usia turut rancak mewarnai dunia pendidikan di negara Malaysia yang tercinta ini.

Ironinya agenda teknologi maklumat masih lagi menjadi kapital unggul di arus-perdana. Teknologi maklumat tidak mungkin ditinggalkan tamadun manusia. Ini kerana teknologi maklumat sangat berkait rapat dengan ilmu. Justeru ilmu patut menjadi faktor obses di kalangan rakyat yang celik. Bagaimanapun pergeseran antara teknologi maklumat dan ilmu pengetahuan ini telah merancakkan lagi keterujaan sebuah impian untuk melihat status negara Malaysia yang maju menjadi kenyataan.

Malaysia telah menjadi negara terawal meneraju dan mempromosikan permintaan baru iaitu *k-economy*. Istilah ini merujuk kepada definisi ekonomi yang berasaskan pengetahuan (*knowledge based economy*). Akan tetapi perjalanan menuju destinasi ini masih lagi jauh. Pelbagai usaha mesti dilakukan dan mesti mendapat kerjasama daripada pelbagai lapisan masyarakat. Don Tappscott (1998) berpendapat bahawa pekerja yang intelektual dan terus menambah ilmu pengetahuan akan sentiasa beradaptasi dengan pelbagai perubahan. Modal manusia yang bersifat kualitatif mampu menjana kemajuan bahkan kemakmuran. Maka pelbagai eksploitasi ilmu dijangka akan menguasai semua peringkat primer, sekunder dan tertier dalam pasaran negara. Masa depan diilustrasikan sebagai negara yang mementingkan pengetahuan, wujudnya sivilisasi yang berpengetahuan tinggi, berkemahiran dalam mengguna, mencipta dan berkongsi pengetahuan untuk mencorakkan serta menginovasikan nilai-nilai ekonomi, menginfrastrukturkan maklumat yang dinamika bagi kemudahan dan penyebaran serta pemprosesan maklumat yang lebih berkesan (Abdul B. Kamara et al, 2007). Justeru negara Malaysia berada pada trek yang betul dalam konteks mencapai wawasan 2020.

Pengurusan dan pentadbiran sekolah merupakan *fasal* daripada himpunan pelbagai disiplin ilmu. Benarlah luasnya ilmu milik Allah S.W.T itu. Sungguhpun penerokaan demi penerokaan ilmu pengurusan dan pentadbiran dijalankan, seakan-akan tamadun manusia memerlukan 1001 lagi penerokaan yang baru. Apa yang dimaksudkan di sini adalah hatta dalam bidang pengurusan dan pentadbiran sekolah sahaja terlalu luas untuk dipelajari. Kajian dan penyelidikan ilmiah yang mendalam terutamanya dari kalangan umat Islam perlu dimajukan dan diperbanyakkan. Golongan *muslimin mutaakhirin* kini mesti mempelopori pelbagai lapangan ilmu agar dapat membentuk asas budaya masyarakat yang berpegang teguh kepada ajaran agama serta cintakan ilmu pengetahuan. Seterusnya ia dapat berperanan sebagai pemimpin saf hadapan dalam menuju *baladun toiyibatun*. Miskinnya manusia yang tidak nampak tentang kepentingan ilmu mengurus. Setiap manusia adalah pengurus (*ra'in*). Namun ilmu dan kemahirannya adalah suatu yang perlu dipelajari dan didalami. Mengapakah wujudnya manusia yang solat dan tidak solat? Jawapannya adalah kerana cara manusia itu mengurus dirinya terhadap solat berbeza-beza. Tentu

sekali ahli-solat itu mendapat didikan solat serta kesedarannya menjadi lebih tinggi daripada ahli yang meninggalkan ibadat itu. Daya pengurusan diri terhadap solat menjadi lebih bernilai sekiranya dibangunkan melalui pendidikan. Justeru ikhtiar mendapatkan ilmu pengurusan mesti ditaklifkan dengan bersungguh-sungguh dalam diri setiap manusia. Pada surah al-Mujadalah ayat 11 Allah S.W.T berfirman maksudnya :

“ Allah mengangkat beberapa darjat orang yang beriman dan diberi ilmu pengetahuan ”

Ismail Noor (2002) dalam model kepimpinannya *Altruistic Management* berusaha menggambarkan Nabi Muhammad S.A.W sebagai contoh teladan yang paling baik untuk diikuti di dalam dunia pengurusan dan pentadbiran. Baginda merupakan seorang pemimpin yang menjadi *role-model* untuk setiap organisasi bagi seluruh umat manusia. Utusan Allah S.W.T terhadap ajaran Islam ini telah menunjukkan pada dunia bahawa isi kandungan ajaran Islam itu melangkaui batasan etnik, budaya dan sempadan benua. Lima peranan Rasulullah S.A.W adalah *visionary, entrepreneur, manager-administrator, team leader dan transformational leader*, (Ismail Noor, 1999). Dapatan penulisan beliau membina andaian bahawa Rasulullah S.A.W telah dahulu menunjuk-contoh hampir kesemua gaya kepimpinan yang wujud pada masa kini. Walau apapun nama yang diberikan para sarjana barat dan timur, bagi setiap istilah kepimpinan itu tidaklah ia mendatangkan kekeliruan yang merumitkan. Ini kerana setiap apa yang baik itu datangnya daripada Allah dan apa yang tidak baik itu juga dengan izin Allah melalui perbuatan manusia. Oleh itu amatlah wajar untuk kita mengambil model yang telah ditunjukkan oleh Rasulullah S.A.W sebagai landasan hidup. Kutiplah ilmu walau serpihan-serpihannya bertaburan di seluruh dunia. Kerana manusia itu mengurus pelbagai lapangan pengurusan. Di dalam rumah, pejabat, sekolah, masjid, negara, dan sebagainya maka perlunya kita merujuk kejayaan dan pencapaian yang telah dikecapi oleh Rasulullah S.A.W terlebih dahulu. Dalam surah al-Ahzab ayat 21 Allah S.W.T berfirman yang maksudnya :

" Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta dia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang) ".

Umpama cendawan tumbuh selepas hujan, begitulah sinonimnya institusi pendidikan Islam hari ini. Sekolah aliran agama telah banyak mengalami proses transformasi sebelum wujudnya perkataan transformasi itu sendiri. Dahulunya tempat untuk menyampaikan ilmu agama adalah seperti di balai istana, masjid, surau, rumah guru dan institusi pondok, kini sekolah aliran agama telah mempunyai bangunan privasi yang jauh lebih tersergam megah dan indah. Titik peluh dan keringat alim ulamak *warsatul anbiaya'* serta para pendakwah terdahulu kian membuah hasil. Mohd Hairudin dan Kamarul Azmi (2012) merakamkan bahawa pengajian secara pondok banyak membantu memantapkan perkembangan Islam di Tanah Melayu. Lazimnya, pelajaran yang diajar di pondok adalah matapelajaran agama seperti Tauhid, Tafsir, Feqah, Hadis, Nahu dan Saraf. Tradisi pengajian pondok telah berkembang dan menjadi asas kepada penubuhan Sekolah Agama Rakyat (SAR) di seluruh semenanjung Malaysia.

Di negara ini, sekolah agama awam terdiri daripada Sekolah Agama Kerajaan yang berada di bawah kawalan Kementerian, Sekolah Agama Negeri (SAN) yang berada di bawah kawalan pihak berkuasa agama negeri dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) yang dikawal bersama-sama oleh Kementerian dan pihak berkuasa negeri atau lembaga pengelola sekolah. Semua Sekolah Agama Kerajaan melaksanakan kurikulum kebangsaan manakala SAN dan SABK melaksanakan kurikulum Dini dan kurikulum kebangsaan (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025, 2013). Menurut Abdul Halim Paijalah (2012) pula, tiga kategori sekolah SABK yang dikelolakan di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia adalah Sekolah Agama Bantuan Kerajaan Rendah (SABKR), Sekolah Agama Bantuan Kerajaan Menengah (SABKM) dan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA).

Buat masa ini, terdapat lebih 90,000 murid berdaftar di sekolah agama awam yang merupakan jumlah 2% daripada jumlah enrolmen di sekolah rendah dan menengah seluruh negara Malaysia. Di samping itu juga terdapat kira-kira 350 buah sekolah agama swasta mewakili 1% daripada jumlah enrolmen tersebut yang beroperasi tidak kira dari kawasan bandar atau luar bandar yang menawarkan laluan pendidikan agama kepada generasi Muslim di negara ini. Semakin ramai ibu bapa berminat menghantar anak mereka ke sekolah aliran agama. Permintaan untuk mendaftarkan anak ke Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) terutamanya mendapat sambutan yang sangat menggalakkan. Namun 80% permohonan setiap tahun ditolak kerana kekurangan tempat. Bagi menampung masalah itu, Kementerian Pelajaran telah memperluaskan program pendaftaran SAN dan SAR sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) serta mewujudkan Kelas Aliran Agama (KAA) di sekolah menengah kebangsaan. Sehingga kini jumlah SAN dan SAR yang telah didaftarkan ke dalam SABK adalah sebanyak 195 sekolah manakala sekolah yang melaksanakan KAA pula sebanyak 547 buah sekolah. Proses pendaftaran SAN dan SAR sebagai SABK serta pewujudan KAA tetap diteruskan lagi demi untuk menampung permintaan yang semakin meningkat (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025, 2013). Jadual 1.1 menunjukkan kategori sekolah aliran agama yang wujud di negara Malaysia.

Jadual 1.1 : Kategori sekolah aliran agama di negara Malaysia

Kategori Sekolah	Pilihan	Pendaftaran			
		Kerajaan Persekutuan	Kerajaan Negeri	Pembiayaan Kerajaan	Kurikulum Kebangsaan
Sekolah Awam	Sekolah Agama bawah Kementerian	√		√	√
	Sekolah Agama Negeri		√	√	√
	Sekolah Agama Bantuan Kerajaan	√	√	√	√

Sekolah Swasta	Sekolah Agama Rakyat		√	dalam peralihan	dalam peralihan
	Sekolah Agama Rakyat Persendirian		√	dalam peralihan	
	Sekolah Agama Swasta	√	√		dalam peralihan

Petunjuk:

	Tidak disediakan
√	Disediakan

Sungguhpun dalam kategori sekolah kerajaan bukan aliran agama, usaha murni untuk meletakkan matapelajaran pendidikan Islam sebagai suatu subjek yang mesti diajar di sekolah turut mendapat perhatian yang baik. Abdullah Md. Din (2012) menyatakan kewujudan pendidikan Islam dalam arus perdana pendidikan negara bermula dari Ordinan Pelajaran 1952, Laporan Razak 1956, Ordinan Pelajaran 1957, Penyata Pelajaran Abdul Rahman Talib 1960 dan Akta Pelajaran 1961. Tidak cukup dengan itu, program j-QAF atau akronim daripada perkataan Jawi, al-Quran, Bahasa Arab dan Fardhu Ain telah diwartakan dalam Pekeliling Ikhtisas bilangan 13 tahun 2004 sebagai suatu program yang mesti dilaksanakan di setiap sekolah di Malaysia secara berperingkat. Kesemua ini menggambarkan bahawa betapa momentum pendidikan Islam semakin meraih tempat yang tinggi untuk disampaikan kepada semua golongan masyarakat.

Bagi negeri Johor Darul Takzim, ia mempunyai keistimewaannya yang tersendiri. Di dalam merekodkan sejarah institusi pendidikan Islam di sini, sekolah aliran agama telah mula ditubuhkan semenjak awal abad ke 20 lagi. Menurut Rahmat Sarihan (2002), kerajaan negeri Johor telah mula menubuhkan sekolah aliran agama secara formalnya pada tahun 1918. Pada mulanya, nama Sekolah al-Quran telah digunakan dengan terhad dan matapelajaran yang diajar adalah tertumpu kepada kitab al-Quran sahaja. Pada tahun 1920, nama Sekolah al-Quran telah ditukar kepada

Sekolah Kitab dengan penambahan kepada matapelajaran Tauhid, Ibadah dan Tasauf. Selang tiga tahun kemudian (1923) nama Sekolah Kitab telah ditukar kepada Sekolah Agama Petang. Nama ini kekal hingga kini dengan penambahan kepada beberapa lagi matapelajaran seperti Muamalat, Munakahat, Faraid, Jenayat, Akhlak, Tarikh, Jawi dan Bahasa Arab. Pada sesi persekolahan 1993/94, kurikulum sekolah ini terbahagi kepada 2 bahagian iaitu kurikulum lama dan kurikulum baru. Kurikulum lama digunakan oleh murid tahun 5 hingga ke darjah khas. Matapelajaran yang diajarkan adalah seperti Tauhid, Ibadah, Muamalat, Munakahat, Jenayat, Faraid dan sebagainya. Menjelang tahun 2000 kurikulum lama diubah sepenuhnya dengan kurikulum yang baru.

Pada tahun 1999, telah lahir permata dalam dunia pendidikan Islam di bumi negeri Johor Darul Takzim. Sekolah Rendah Agama Bersepadu (SRAB) adalah sebuah perancangan terbaik yang telah dijana daripada kesedaran agama yang holistik. Sekolah (SRAB) adalah berasal daripada Sekolah Agama Kerajaan Johor (SAKJ) seperti Sekolah Agama Petang pada hari ini. Namun proses kombinasi menggabungkan ia dengan sekolah pagi atau sekolah rendah adalah suatu idea yang lebih unik lagi.

Dengan ini faktor pembelajaran akademik dan agama telah disatukan dalam satu sistem persekolahan yang lengkap. Cadangan penubuhannya telah diputuskan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kajian Terhadap Sistem Pendidikan Agama Negeri Johor. Maka terhasilah Pelan Tindakan Belanjawan Kajian Pendidikan Agama 1998. Untuk merealisasikan pelan tersebut, Sekolah Rendah Agama Bersepadu (SRAB) perlu ditubuhkan di negeri ini. Maka pada tahun 4 Januari 1999 sebanyak 8 buah sekolah jenis ini berjaya dibina dan beroperasi di seluruh Johor di bawah kelolaan Kerajaan Negeri Johor. Berikut adalah Rajah 1.2 menunjukkan senarai sekolah-sekolah SRAB seluruh negeri Johor yang ditulis semula dengan merujuk (wikipedia, 3 November 2011).

Rajah 1.2 : Senarai sekolah-sekolah (SRAB) seluruh negeri Johor

Lapan buah (SRAB) di seluruh negeri Johor:

1. Sekolah Rendah Agama Bersepadu (SRAB), Taman Seri Tebrau, Johor Bahru.
2. Sekolah Rendah Agama Bersepadu (SRAB), Sungai Abong, Muar
3. Sekolah Rendah Agama Bersepadu (SRAB), Tmn Bukit Pasir, Batu Pahat
4. Sekolah Rendah Agama Bersepadu (SRAB), Taman Bukit Siput, Segamat
5. Sekolah Rendah Agama Bersepadu (SRAB), Taman Intan, Kluang
6. Sekolah Rendah Agama Bersepadu (SRAB), Benut, Pontian
7. Sekolah Rendah Agama Bersepadu (SRAB), Kota Kecil, Kota Tinggi
8. Sekolah Rendah Agama Bersepadu (SRAB), Felda Tenggaroh, Mersing

Dengan platform institusi pendidikan yang telah banyak tersedia, justeru para pemimpin di peringkat sekolah perlu mempunyai kemahiran yang baik di dalam mentadbir dan mengurus terutamanya sekolah aliran agama. Kepimpinan yang mantap bukan sahaja dapat meneruskan usaha para pendakwah terdahulu, malahan ia dapat mengekalkan ajaran Islam terus relevan biarpun di dalam era modenisasi kini. Ideologi dan model daripada rasulullah S.A.W perlu dicungkil dan diadaptasikan oleh semua pengetua dan guru besar.

1.2 Latar Belakang Masalah

Yusof Ismail (2004) menulis-semula sebuah hadis diriwayatkan di dalam sahih Muslim yang menyatakan bahawa rasulullah s.a.w bersabda :

“Hendaklah kamu berada dalam jemaah kerana sesungguhnya jemaah itu adalah rahmat sedangkan perpecahan itu merupakan azab”.

Berpandukan peringatan rasulullah dalam hadis berikut, dapat kita ambil peringatan bahawa berjemaah atau berorganisasi (yang baik) itu adalah suatu tuntutan dalam ajaran Islam. Bahkan penjelasan berkenaan bidang kepimpinan ini sering diulang-ulang oleh rasulullah S.A.W pada ucapan-ucapan baginda yang lain.

Ishak Mohd (1995) pula memetik sebuah hadis yang lebih terperinci diriwayatkan oleh Abu Said dan Abu Hurairah r.a yang menyebut bahawa nabi Muhammad S.A.W telah bersabda :

“Apabila tiga orang keluar bermusafir maka hendaklah mereka melantik seorang daripada mereka sebagai ketua”.

Hadis ini pula memberitakan kepada umat manusia khususnya umat Islam bahawa di dalam sesebuah jemaah yang dibentuk itu pentingnya mereka mempunyai seorang pemimpin. Ini kerana suasana tatkala mempunyai pemimpin dan pengikut itu adalah lebih baik, terselamat dan terurus daripada suasana bersendirian. Malahan dalam solat juga banyak hadis dan peringatan daripada nabi Muhammad S.A.W berkenaan kelebihan solat berjemaah. Untuk solat berjemaah itu bukannya memerlukan kita melantik seorang imam (ketua) untuk mengepalai solat kita?

Stodgill dalam bukunya bertajuk *Handbook of Leadership* menyenaraikan lebih 5000 makna kepimpinan didefinisikan dalam pelbagai kelompok seperti proses pengaruh kumpulan dan sosial, pertukaran perhubungan, ciri-ciri personaliti, bentuk-bentuk perlakuan dan pencapaian matlamat.

Kouzes dan Posner (2003) melihat kepemimpinan sebagai proses interaksi antara pemimpin dengan pengikut dalam sesebuah organisasi untuk mencapai objektif. Northouse (2004) pula mendefinisikan kepemimpinan sebagai proses seorang pemimpin mempengaruhi orang lain dengan menggunakan kuasa yang ada pada diri pemimpin. Menurut Yukl (2002), kepemimpinan adalah berkisar tentang proses bagaimana pemimpin mempengaruhi pengikut melakukan tugas melalui matlamat organisasi. Seterusnya kepemimpinan itu merujuk kepada sekumpulan manusia yang berinteraksi, berhubung dan mempengaruhi satu sama lain dalam mencapai objektif yang sama (Yukl, 2006). Walau apa pun pengertian bagi perkataan kepemimpinan, setiap pemimpin dan pengikut itu tidak lari daripada berhubung antara satu sama lain. Oleh itu gaya memimpin memainkan peranan penting memudahkan urusan berhubung antara kedua-dua mereka.

Ahmad Atory (1986) mendefinisikan bahawa gaya kepemimpinan adalah kejayaan seseorang ketua memimpin orang lain untuk melaksanakan satu-satu kerja yang diarahkan, pencapaian sesuatu objektif dan juga matlamat. Seorang guru besar sekolah ditugaskan untuk memimpin warga sekolahnya mencapai objektif dan matlamat organisasi. Namun usaha memimpin ini bukanlah suatu kerja yang enteng. Ia terletak pada persoalan bagaimana gaya kepemimpinan itu digunakan. Kebijaksanaan guru besar dalam menggayakan kepemimpinannya amatlah diperlukan untuk menjadi seorang pemimpin berwibawa.

Fiedler (1967) tokoh besar dalam dunia kepemimpinan menyatakan bahawa pemimpin harus bijak mengkaji persekitaran semasa dan seterusnya menentukan gaya kepemimpinan yang dapat menyokong persekitaran tersebut. Ini bererti gaya kepemimpinan yang perlu digunakan oleh seorang pemimpin itu terdapat lebih daripada satu dan bersifat tidak statik. Sebelum-sebelum ini kajian mengenai kepemimpinan banyak dijalankan dengan berpandukan gaya kepemimpinan tradisional oleh (Lewin, Lippitt dan White, 1939) iaitu 3 jenis gaya utama demokratik, autokratik dan *laissez-faire*. Hari ini lambakan daripada kajian tersebut telah menawarkan ribuan konsep, model dan gaya kepemimpinan sesuai dengan peredaran zaman. Namun kecerdasan

memimpin itu berarti sejauhmana kesemua gaya memimpin itu digunakan setiap satu bertepatan pada masa dan keadaan yang sedang dilalui. Seorang pemimpin masa kini tidak boleh beranggapan secara personal bahawa sesuatu gaya kepimpinan yang ditentukan itu adalah yang mudah dan secocok dengan dirinya. Apa yang patut dilakukan adalah memilih di antara senarai gaya kepimpinan itu sebagai suatu strategi yang disengajakan untuk dizahirkan tatkala memimpin.

Daniel Goleman merupakan seorang sarjana terkemuka dalam bidang psikologi. Modelnya yang terkenal *Emotional Intelligences* atau Kecerdasan Emosi telah menjadi sumber rujukan di seluruh dunia. Di negara Malaysia, calon-calon pendidik yang ingin memohon kemasukan ke Institut Pengajian Tinggi Awam atau Institut Perguruan bagi mengikuti program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan atau Diploma Perguruan Lepas Ijazah, mereka diwajibkan untuk melalui Ujian Pemilihan Calon Guru Malaysia. Di dalam ujian tersebut, inventori MEdSI yang digunakan oleh pihak (MPM) Majlis Peperiksaan Malaysia bertitik-tolak daripada model kecerdasan emosi oleh Daniel Goleman.

Tidak dapat dinafikan bahawa kemahiran kecerdasan emosi berkait-rapat dalam bidang pengurusan. Seorang pemimpin masa kini seharusnya mahir dengan pelbagai kecerdasan emosi. Beban tugas guru semakin hari semakin meningkat. Menurut Che Yaakob (1991), para guru kini telah dibebankan dengan tugas-tugas sampingan yang banyak sehingga mengurangkan tumpuan mereka kepada tugas yang utama iaitu mengajar. Kini, guru bukan lagi semata-mata mengajar. Pembuktian telah menjadi tren terpenting di dalam dunia pendidikan. Ramai di kalangan guru mengadu kerja-kerja PBS (Pentaksiran Berasaskan Sekolah) meletihkan kerana jumlah instrumen dan jumlah murid yang ramai, boleh mengurangkan masa diluang bersama dengan pelajar akibat jadual mingguan yang padat dan kerja-kerja memasukkan eviden ke dalam fail serta mengganggu waktu malam untuk *key-in* PBS dalam talian yang sangat lambat (Halina: Hatta, 2013). Justeru kawalan emosi yang tinggi merupakan kemahiran yang perlu dimiliki oleh seorang guru atau guru besar pada masa kini.

Menurut Goleman (1997), terdapat pelbagai emosi yang dimiliki oleh setiap manusia. Emosi-emosi tersebut adalah seperti marah, sedih, takut, gembira, sayang, hairan, benci, malu dan sebagainya. Kecerdasan emosi adalah kemampuan seseorang untuk merasakan dan memahami secara selektif menerapkan daya dan kepekaan emosi sebagai sumber tenaga dan pengaruh kepada manusia. Ini bermaksud bahawa seseorang individu itu perlu tahu apakah emosi yang bersesuaian untuk diaplikasikan pada waktu tertentu. Kesilapan menentukan emosi boleh membawa kepada kesalahan mengawal situasi yang sedang dihadapi. Ia boleh menyebabkan hubungan dan pembawakan sesama manusia menjadi gagal. Kecerdasan emosi menuntut sesuatu perasaan pada diri sendiri dan orang lain pada masa yang tepat dan efektif (Daniel Goleman, 1997).

Dalam buku *The Leadership That Gets Results*, seterusnya Daniel Goleman (2000) telah mengemukakan bahawa terdapat 6 gaya kepimpinan utama yang sangat berkesan. Ia adalah Kepimpinan Keteladanan (*Pacesetting*), Kepimpinan Latihan (*Coaching*), Kepimpinan Gabungan (*Affiliative*), Kepimpinan Demokratik (*Democratic*), Kepimpinan Autoritatif (*Authoritative*) dan Kepimpinan Paksaan (*Coercive*). Kesemua 6 gaya kepimpinan yang telah dikenalpasti ini memainkan peranan masing-masing pada waktu-waktu tertentu dengan sangat efektif.

Pemimpin yang mempunyai banyak gaya kepimpinan adalah lebih baik berbanding pemimpin yang melekat pada satu jenis gaya sahaja. Bolman *et al* (1999) dan Abdul Shukor (2004) berpendapat bahawa amalan kepimpinan yang pelbagai dan luwes lebih berupaya menjurus kepada keberkesanan kepimpinan berbanding amalan satu gaya kepimpinan untuk diamalkan. Justeru kajian ini mengambil konsep 6 gaya kepimpinan Daniel Goleman sebagai asas kajian.

Hari ini, guru besar yang efektif bukan lagi bergantung kepada gaya kepimpinan semata-mata. Tugas melahirkan pelajar yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial (JERI) serta cemerlang dalam pelajaran adalah suatu

tugas yang berat. Proses pembangunan pelajar bukanlah proses jangka masa singkat. Di samping gejala sosial remaja yang kian menular, alaf baru dunia pendidikan memerlukan kerjasama luar untuk turut serta dalam memberikan sumbangan. Faktor ibu bapa kini telah diberikan perhatian di dalam proses pembelajaran para pelajar.

Keentingan ini jelas selari dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 - 2025 yang telah dilancarkan oleh Dato' Seri Najib Tun Razak Perdana Menteri Malaysia ke-6 pada tanggal 12 September 2012 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 6 September 2013a). Keseluruhan pelan mengandungi 11 program strategik. Anjakan ke 9 di dalam pelan tersebut menyatakan bahawa perlunya wujud kerjasama pihak sekolah dengan ibu bapa, komuniti dan sektor swasta secara meluas yang khusus dalam proses pendidikan anak-anak. Untuk itu kerajaan telah mengambil inisiatif dengan mempromosikan program Sarana sebagai langkah awal memperkenalkan kepada umum tentang kepentingan penglibatan mereka di dalam pendidikan. Program Sarana merupakan suatu bentuk galakan terhadap pihak sekolah, ibu bapa, komuniti dan sektor swasta supaya terlibat sama-sama menyumbang secara langsung atau tidak langsung demi kebaikan pendidikan anak-anak. Perihal Sarana ini dihuraikan dengan lebih terperinci oleh pengkaji di dalam bab 2. Maka amatlah wajar agar Program Sarana ini diterima baik oleh para pemimpin di sekolah dan diamalkan di semua sekolah di seluruh negara Malaysia ini.

Ibu bapa adalah modal manusia yang selalu dilupakan. Mereka memiliki pelbagai kemahiran tertentu. Di kampung-kampung, mereka mahir menukang, menternak pelbagai jenis haiwan, bercucuk tanam, menjadi imam, menjahit dan memasak. Ibu bapa di kawasan bandar pula mempunyai kelebihan seperti kekuatan kewangan dan pengaruh. Mereka juga boleh mengajar, melatih sukan dan menggunakan pelbagai jenis aplikasi teknologi. Adalah amat merugikan jika kekuatan yang ada pada ibu bapa tidak dapat dimanfaatkan oleh guru besar. Di samping membantu menjayakan matlamat sekolah, penglibatan ibu bapa adalah suatu yang amat positif.

Apabila ibu bapa terlibat sama di dalam membantu pembelajaran anak di rumah, pelbagai manfaat akan diperolehi oleh semua pihak. Kajian yang dijalankan oleh Olsen dan Fuller (2008) mendapati bahawa : ia boleh meningkatkan keyakinan para guru, meningkatkan pencapaian murid, ibu bapa akan merasakan bahawa mereka sebahagian daripada warga sekolah serta lebih menyokong program sekolah, kes disiplin di kalangan murid berkurangan dan hubungan yang lebih baik akan terjalin di antara pentadbir, guru dan ibu bapa.

Jauh di dalam kawasan pedalaman Limbang, Sarawak, terdapat sebuah sekolah yang telah berjaya mencapai status Sekolah Berprestasi Tinggi. Penerima anugerah (SBT) pada tahun 2010 ini adalah sekolah yang telah membuktikan bahawa tidak ada yang mustahil untuk menggapai kejayaan. SK Ulu Lubai adalah sekolah yang saban tahun mendapat peningkatan dalam peperiksaan UPSR. Pada tahun 2010, sekolah ini muncul juara dalam Anugerah *Commanwelth Educaton Good Practice Awards*. Guru Besar sekolah telah melihat bahawa dengan penglibatan ibu bapa terhadap pendidikan anak-anak boleh mendatangkan manfaat yang besar. Di rumah panjang, ibu bapa murid akan menemani anak masing-masing pada waktu malam dan seorang guru akan bertugas sebagai pemantau. Murid-murid akan mengulangkaji pelajaran sekurang-kurangnya sejam pada setiap hari. Gabungan usaha sekolah dan ibu bapa telah terbukti memberikan impak yang besar.

SIH atau Sekolah Islam al-Hidayah pula terdiri daripada sekolah rendah dan sekolah menengah persendirian yang diuruskan oleh kumpulan professional pendidikan yang mahukan orientasi Islam sebagai wadah utama pendidikan anak-anak. Terletak di Johor Bahru, sekolah ini mendapat permintaan tinggi daripada ibu bapa seluruh negara termasuk negara Singapura (Abdul Halim Paijalah, 2012). Saban tahun keputusan peperiksaan UPSR meningkat di samping jumlah calon yang mengambil peperiksaan juga turut bertambah. Pada tahun 2010 daripada 154 calon yang menduduki peperiksaan tersebut, 38 orang daripadanya telah mendapat keputusan cemerlang 5A. Pada tahun berikutnya 2011, jumlah calon seramai 162 orang murid manakala jumlah yang mendapat 5A turun kepada 33 orang. Baru-baru

ini pada peperiksaan yang sama pada tahun 2012, daripada jumlah calon seramai 167 orang seramai 39 orang murid telah berjaya mendapat keputusan 5A. Ini membuktikan lonjakan kecemerlangan peperiksaan awam di sekolah berstatus swasta ini sentiasa meningkat sungguhpun tanpa bantuan prasarana dan infrastuktur daripada kerajaan pusat yang memerintah. Adalah menjadi kunci kekuatan sekolah ini bahawa penglibatan ibu bapa banyak menyumbang kepada pencapaian prestasi sekolah. Ini dapat dilihat daripada program Malam Badar yang dikelolakan sepenuhnya oleh Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) sekolah. Dalam program tersebut, ibu bapa penjaga pelajar-pelajar sekolah berkumpul bersama-sama dalam bulan mulia Ramadhan untuk berbuka puasa, solat berjemaah dan menunaikan solat sunat terawih di samping merapatkan hubungan silaturrahim (Abdul Halim Paijalah, 2012). Program Malam Badar juga berjaya mengumpulkan dana sekolah melalui tempahan jamuan makanan. Sambutan yang amat menggalakkan dari pihak ibu bapa menyuburkan lagi keberkatan di bulan Ramadhan. Dari sudut aplikasi teknologi pula, pihak sekolah telah menyediakan portal rasmi sekolah. Ibu bapa boleh mengikuti perkembangan terkini anak-anak dan program sekolah di samping boleh menyumbang idea dan cadangan melalui email, *comment post* dan sms. Tidak dapat dinafikan bahawa penglibatan ibu bapa adalah suatu keperluan yang mesti diberikan perhatian oleh para pengetua.

Di peringkat antarabangsa pula sudah tentu terdapat lambakan contoh-contoh sekolah yang telah berjaya dengan formula melibatkan ibu bapa dalam pendidikan pelajar di sekolah. Mereka telah lama memanfaatkan kriteria ini sejak mana ia merupakan penemuan berguna bagi seluruh masyarakat di negara mereka. Dalam sintesis tahunan yang disiapkan oleh Martha Boethel (2003), beliau telah menemui 64 kajian yang sama berfokus kepada penglibatan ibu bapa terhadap pendidikan. Kolej Al Taqwa di Melbourne Australia misalnya sering menjalinkan kerjasama dengan pihak ibu bapa untuk mengadakan lawatan ke dalam dan luar negara. Adapun di *Weatherly Elementary School* di Alabama Amerika Syarikat, guru-guru di sini menyambut para pelajar dan ibu bapa yang menghantar anak-anak mereka di pintu pagar sekolah. Hubungan akrab yang dijalinkan ini bermatlamatkan supaya para ibu bapa dan pelajar tahu bahawa di sekolah ini adalah kawasan selamat di mana

pendidikan itu dijalankan dengan berkesan. Semua ini akan mendatangkan perasaan alu-aluan yang menggembarakan di kalangan warga sekolah.

Sekolah aliran agama adalah sekolah terpilih. Ini kerana agama adalah keutamaan dalam diri setiap muslim. Sekolah Rendah Agama Bersepadu daerah Muar dirujuk sebagai (SRAB) Muar adalah salah satu contoh organisasi yang menjalankan pengurusan dan pentadbiran Islam di daerah ini. Sekolah aliran agama memainkan peranan yang penting terutama menghidupkan syiar Islam kepada masyarakat di negara kita. Guru besar sekolah aliran agama bukan sahaja mentadbir-urus warga sekolah, mereka juga bertanggungjawab memimpin hala tuju sekolah dan mengekalkan usaha murni agar terus relevan dan berjaya seiring dengan peredaran zaman. Guru besar sekolah agama boleh diibaratkan seperti pemimpin agama. Momentum gerakan *dakwah Islamiyah* terletak pada bahu mereka. Justeru sekolah aliran agama kini menjadi pusat tarbiyah untuk anak-anak remaja yang perlu dikekalkan dan dipertingkatkan supaya dengan ini dapat menseimbangkan pembentukan masyarakat di antara kejayaan *duniawi* dan *ukhrawi*.

1.3 Penyataan Masalah

Penglibatan ibu bapa dalam aspek pendidikan anak-anak sebenarnya merupakan suatu fitrah dalam penciptaan manusia. Setiap ibu bapa wajib memberikan pendidikan kepada anak-anak dalam jagaan mereka. Mereka adalah golongan pertama menjadi guru terhadap setiap zuriat yang dilahirkan. Logiknya, ibu bapa mempunyai lebih masa untuk diluang bersama anak-anak berbanding dengan orang lain. Dengan jumlah masa yang banyak ini, ibu bapa sewajarnya mendidik anak-anak mereka dengan pelbagai ilmu pengetahuan dan kemahiran yang berguna untuk masa depan anak-anak mereka. Akan tetapi ibu bapa menyerahkan tugas memberikan pendidikan ini kepada para guru di sekolah semata-mata. Roharty

(1994) sarjana Indonesia dalam kajiannya di Malaysia menyatakan bahawa keadaan di rumah seringkali tidak merangsang pembelajaran anak-anak. Ibu bapa terutama dari golongan berada biasanya sibuk bekerja dan kurang meluangkan masa melayan anak-anak ke arah penyediaan pengetahuan dan kemahiran yang menjadi syarat kejayaan di sekolah. Oleh itu ibu bapa kehilangan peluang dalam memperkembangkan kecerdasan anak-anak mereka secara maksima. Satu kajian yang dijalankan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (2011b) jelas membuktikan bahawa para pelajar atau anak-anak itu mempunyai peruntukan masa yang panjang untuk berada di rumah. Sebanyak 52% masa dalam sehari mereka dapat diluangkan di rumah dan juga bersama komuniti. Ini diikuti dengan sejumlah 33% masa untuk berehat atau tidur. Manakala hanya 15% masa pula diluangkan untuk mendapatkan pendidikan di sekolah masing-masing. Maka di sini, nyatalah bahawa tugas memberi pendidikan kepada anak-anak oleh para ibu bapa itu merupakan tanggungjawab utama yang mesti dilaksanakan. Dalam surah at-Tahrim ayat 6 Allah S.W.T berfirman maksudnya :

“ Hai orang-orang yang beriman, peliharalah dirimu dan keluargamu dari api neraka yang mana bahan bakarnya adalah manusia dan batu, penjaganya adalah malaikat-malaikat yang kasar, keras, dan tidak menderhakai Allah terhadap apa yang diperintahkanNya kepada mereka dan mereka pula selalu mengerjakan apa yang diperintahkan ”.

Dalam satu surah yang lain iaitu surah Luqman ayat 17, Allah S.W.T berfirman lagi bahawa maksudnya :

(Luqman berkata) “ Wahai anak kesayanganku, dirikanlah sembahyang dan serulah berbuat kebaikan serta laranglah daripada melakukan perbuatan yang mungkar, bersabarlah atas segala bala bencana yang menimpamu. Sesungguhnya yang demikian itu adalah dari perkara-perkara yang dikehendaki untuk diambil berat melakukannya ”.

Dua potongan nas al-Quran di atas secara zahiriahnya menyatakan bahawa peranan ibu bapa dalam memberikan pendidikan terhadap anak-anak mereka dengan secukup-cukupnya merupakan suatu tuntutan dalam ajaran Islam. Peranan yang sering dilupakan ini amat perlu disuburkan lagi-lagi pada zaman *mutaakhirin* ini. Golongan ibu bapa yang terdesak dengan memenuhi keperluan keduniaan serta material seperti kenderaan, tempat tinggal, hiburan, teknologi dan pelbagai *trend* terkini tidak boleh memberikan seribu alasan terhadap mendidik anak-anak mereka di rumah.

Selain daripada itu, masalah sosial di negara kita juga sering dikaitkan dengan ibu bapa dan pihak sekolah. Saban hari pihak media melaporkan kes-kes salah laku juvana yang dikatakan semakin serius meliputi tahap paling ringan seperti ponteng hinggalah ke tahap paling berat seperti membunuh. Zakiyah Jamaluddin (2012) menyatakan masalah dadah, melepak, seks bebas, gengsterisme berterusan hingga kini ditambah dengan pelbagai masalah sosial lain seperti *black metal* dan kumpulan tiada bertuhan yang boleh menggugat akidah. Polemik remaja yang terlibat dengan lumba haram atau diistilahkan sebagai mat rempit pula sebenarnya telah pun lama berlaku. Berikut adalah Rajah 1.3 berkenaan statistik remaja terlibat dalam salah laku di antara tahun 2000 – 2003 dalam (Zakiyah Jamaluddin, 2012) :

Rajah 1.3 : Bilangan kes jenayah mengikut tahun

<u>Tahun</u>	<u>Bilangan Kes</u>
2000	5284
2001	5182
2002	5319
2003	4998

Zahirnya, melihat orang yang melakukan masalah seperti anak-anak atau segelintir pelajar itu sendiri adalah nampak jelas bahawa merekalah si pesalah itu. Ini kerana merekalah orang yang mengawal diri dan berniat melakukan pelbagai jenis kesalahan. Namun, sebagai manusia yang dikurniakan akal fikiran, persoalan siapakah ibu bapa atau penjaga yang bertanggungjawab mencorakkan akhlak terhadap anak-anak di bawah jagaan mereka mesti dilihat lebih dalam lagi. Daripada tidak mempunyai anak kepada ber-anak. Dari senggang kepada sibuk. Dari sunyi kepada riuh. Jika kita hendakkan sesuatu bersungguh-sungguh suatu masa dahulu, mengapa pula kita bermalas-malas setelah memperolehi kurniaan Ilahi itu pada hari ini. Sentiasalah berbaik sangka bahawa pintu Rahman dan Rahim Allah selalu terbuka. Usaha dan usaha selagi ada harapannya. Dengan kadar peningkatan masalah sosial di negara yang kian kritikal ini, kolaborasi pihak ibu bapa dan sekolah adalah suatu tuntutan yang dinanti-nantikan dalam membina masyarakat yang lebih harmoni di negara ini.

Dalam buku Program Sarana 2013 yang dikelola oleh Kementerian Pelajaran Malaysia ada menyenaraikan nama-nama sekolah yang memberikan inspirasi di seluruh negeri iaitu semenanjung termasuk Sabah dan Sarawak. Sekolah-sekolah ini telah membuktikan bahawa penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak di sekolah membuahkan hasil yang sangat lumayan. Sekolah-sekolah ini telah lebih awal menemui bahawa ibu bapa boleh memainkan peranan positif dalam mengukuhkan kefahaman dan membantu melicinkan proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Sekolah-sekolah tersebut adalah SK Zainab 2 di Kelantan, SK (P) Methodist di Pahang, SK Ulu Lubai di Sarawak, SMK Seri Lalang Di Johor, Kolej Islam Sultan Alam Shah di Selangor, SMKA Maahad Hamidiah di Selangor dan banyak lagi (Sarana Sekolah, 2013). Walaupun pasca penglibatan ibu bapa di sekolah ini masih baru namun telah pun wujud beberapa sekolah yang telah menempa kejayaan cemerlang di dalam pencapaian peperiksaan awam hasil daripada kolaborasi yang baik ini. Justeru terdapat tekanan bahawa tuntutan melibatkan ibu bapa ke dalam pendidikan anak-anak di sekolah secara konsisten menular di seluruh negara. Nah, sekolah-sekolah yang belum membangunkan organisasi mereka ke arah kejayaan yang cemerlang bolehlah bangun dan melakukan perubahan.

Di samping itu semua, arus perubahan globalisasi dalam pendidikan negara kini menekankan bahawa kolaborasi sekolah dengan ibu bapa, komuniti dan sektor swasta itu sebagai domain yang perlu ada di dalam pengendalian sesebuah institusi sekolah. Ini dinyatakan di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025 yang diumumkan di semua sekolah-sekolah kerajaan. Sebagai menjadi organisasi sekolah yang menyahut cabaran, tidak ketinggalan dan sentiasa berusaha untuk mencapai kejayaan seharusnya arus perubahan yang positif ini disambut baik dan diaplikasikan di setiap sekolah di negara Malaysia. Sememangnya hubungan ini telah sedia dibina sebelum ini. Namun usaha kolaborasi yang dianjurkan kerajaan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia ini adalah usaha yang telah dinaikkan tarafnya ke tahap yang lebih tinggi. Maka masa hadapan institusi sekolah dijangka akan digambarkan sebagai sebuah sistem yang terkandung dalamnya ibu bapa yang secara fizikalnya aktif dan responsif terhadap sebarang aktiviti pembelajaran akademik dan bukan akademik dianjurkan pihak sekolah. Tiada apa yang lebih menenangkan di kaca mata ibu bapa dan guru apabila melihat generasi yang dibangunkan menggenggam skrol kejayaan dalam aspek pendidikan mereka.

Berdasarkan pernyataan masalah di atas, kajian yang dijalankan ini akan mengenalpasti bagaimanakah kepimpinan seorang guru besar sekolah dalam melibatkan atau menyertakan para ibu bapa agar memberi sumbangan membantu proses pembelajaran anak-anak di Sekolah Agama Rakyat Bersepadu (SRAB) Muar. Adalah menjadi harapan pengkaji agar kajian ini menemui hubungan yang positif di antara kedua-dua pihak iaitu ibu bapa dan sekolah. Komitmen ibu bapa terhadap proses pendidikan pelajar boleh diperolehi melalui keberkesanan program dan kerjasama secara berterusan daripada pihak sekolah (Kamazita Tahir, 2007). Seterusnya medium gaya kepimpinan guru besar pula dilihat sebagai kaedah untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh para ibu bapa dan guru iaitu supaya melihat kejayaan para pelajar berada pada aras yang membanggakan.

Kenapa gaya kepimpinan? Gaya kepimpinan adalah kuasa penting bagi seorang pemimpin pada masa kini. Pertama pengikut atau orang bawahan hari ini

lebih celik dan agresif. Justeru mereka mempunyai kepelbagaian sikap yang perlu diurus dengan berkesan terarah kepada kejayaan organisasi. Kedua kerana sistem sosial hari ini mendesak pencapaian matlamat organisasi menjadi kenyataan dengan ketara. Ini adalah kerana banyaknya tawaran daripada organisasi lain yang menjalankan perkhidmatan yang sama. Justeru setiap pemimpin tidak boleh tidur lena dengan organisasi mereka yang mundur. Ketiga pula kerana negara Malaysia sedang menuju ke arah status negara maju. Setiap struktur yang berkhidmat mesti menjalankan pembangunan organisasi secara maksimum. Guru besar tidak terkecuali daripada mengurus dan mentadbir warga sekolah supaya bergerak ke arah mencapai kejayaan demi kejayaan. Atau tidak, hasrat untuk melihat negara Malaysia yang maju pada tahun 2020 hanya akan menjadi wawasan yang sia-sia.

Kepimpinan Keteladanan (*Pacesetting*) adalah suatu gaya memimpin para pengikut agar dapat melaksanakan tugas seperti mana cara ketua melakukannya. Seorang pengetua yang hebat selalu mengharapkan kehebatan yang sama di kalangan semua warga sekolahnya. Ia seolah-olah format yang selain daripada itu bakal mendatangkan kesulitan. Cara keteladanan warga sekolah diukur dari segi kepantasan menyiapkan tugas, tertib proses kerja yang dilakukan atau ketelitian di dalam sesuatu projek. Kepimpinan jenis ini meletakkan standard yang tinggi untuk sesuatu pencapaian (Goleman, 2000). Dari segi penglibatan ibu bapa, pengetua yang mengamalkan gaya ini sering dilihat menetapkan suatu cara terhadap ibu bapa para pelajar. Contoh yang biasa dilihat adalah memaklumkan kepada ibu bapa bahawa cara menghantar anak di sekolah ini adalah dengan melalui jalan tertentu, menurunkan anak hanya di satu kawasan tertentu dan menyusur keluar dengan melalui jalan lain tertentu. Syarat utama melaksanakan gaya kepemimpinan ini mestilah mempunyai orang bawahan yang berpengetahuan tinggi atau mahir. Para penjaga dan ibu bapa yang tinggal berhampiran kawasan sekolah tentu dapat melaksanakan keteladanan pengetua dengan betul. Namun ibu bapa yang bukan berasal dari kawasan sekolah mungkin mengambil masa untuk menyesuaikan diri.

Kepimpinan Latihan (*Coaching*) pula memimpin para pengikut dengan cadangan bagaimana memperbaiki tugas yang perlu dilaksanakan. Pengetua yang memimpin warga sekolah dengan gaya ini tidak akan menyalahkan orang bawahan kendaliannya di atas kesilapan atau ketidak-berjayaan sesuatu tugas yang telah diberi. Sebaliknya pengetua akan berkata “cuba cara ini pula...” ataupun “saya ada satu idea lain...”. Dengan hanya satu ungkapan emas ini, guru-guru, ibu bapa atau murid-murid yang dipimpin terdorong memperbaiki cara pelaksanaan tugas mereka. Hari ini ada pengetua yang mendorong ibu bapa dalam memberikan pendidikan kepada anak-anak mereka. Pengetua seperti ini didapati mencadangkan tempat tuisyen sesuai untuk ibu bapa murid tertentu atau memesan pakaian murid yang kemas ke sekolah. Mereka juga sering menasihati ibu bapa agar sentiasa mendoakan anak, bermunajat, solat hajat dan sebagainya demi kejayaan mereka. Kepimpinan Latihan membuka minda subordinat ke suatu ruangan yang lebih luas. Bahawasanya di dalam menghadapi sesuatu masalah, terdapat banyak lagi cara lain untuk menyelesaikannya. Gaya ini seterusnya dijangka akan dapat memperkembangkan potensi subordinat pada masa akan datang.

Di dalam buku *Leadership That Gets Results* oleh Daniel Goleman, Kepimpinan Gabungan (*Affiliative*) diterangkan sebagai pemimpin yang lebih mengutamakan orang sekeliling daripada matlamat organisasi. Maka dalam hal ini boleh digambarkan guru besar yang seringkali mengutamakan warga sekolah ketika bertugas. Guru-guru, ibu bapa dan murid-murid dilihat sentiasa diberikan layanan yang baik pada tiap kali pertemuan. Ini dapat dibuktikan dengan kewujudan piagam pelanggan sekolah yang selalu mengutamakan ibu bapa sebagai klien yang sangat berharga. Komunikasi dan hubungan silaturrahim sentiasa dijaga dengan bersungguh-sungguh. Jika terdapat konflik yang berlaku, jalan penyelesaian secara dalaman dan secara aman seringkali menjadi keutamaan. Dari segi fizikalnya pula, terdapat beberapa buah sekolah yang menyediakan bilik khas untuk PIBG bermesyuarat, dewan serbaguna untuk dimanfaatkan bersama-sama kedua belah pihak, tempat menunggu untuk ibu bapa dan *water cooler* untuk kegunaan semua warga sekolah.

Demokratik adalah gaya kepimpinan sederhana yang banyak menggunakan pendekatan hubungan dua hala dan perkongsian. Walaupun keputusan muktamad adalah terletak pada kuasa pemimpin, namun gaya jenis ini memberi laluan kepada subordinat untuk bersama-sama membuat keputusan ke arah kebaikan organisasi. Suara daripada orang bawahan adalah hak yang boleh dinyatakan selagi ia bermanfaat dan sesuai dengan matlamat organisasi. Guru besar Demokratik sering dilihat berbincang mengenai peningkatan sekolah bersama-sama dengan para guru dan ibu bapa. Contoh kebiasaan gaya demokratik yang diamalkan di sekolah adalah Mesyuarat Agung PIBG sekolah. Guru besar terbuka mendengar cadangan bernas daripada ibu bapa demi kesejahteraan semua warga sekolah.

Kepimpinan Autoritatif (*Authoritative*) adalah sangat bertepatan dengan slogan “*come with me*”. Pengikut akan diajak oleh pemimpin untuk turut serta bergerak maju ke arah kejayaan. Pemimpin gaya ini sangat bertanggungjawab. Mereka menyediakan pengikut menjadi partisipan. Sebagai contoh, seorang guru besar Autoritatif yang menyatakan hasrat hatinya untuk memimpin sekolah ke arah kelestarian penggunaan teknologi. Maka guru besar turut mengajak ibu bapa pelajar bersama-sama mengaplikasikan teknologi dalam kehidupan. Ibu bapa disaran menggunakan internet di rumah untuk memeriksa markah anak-anak, memberi pendapat atau mendapat makluman terkini berkenaan program sekolah. Contoh lain bagi menjelaskan gaya ini adalah program motivasi. Guru besar sekolah yang Autoritatif akan mengajak para penjaga dan ibu bapa pelajar turut bersama-sama hadir menjayakan matlamat program motivasi. Dengan cara ini kesedaran di kalangan pelajar akan menjadi lebih bermakna dan mendalam.

Dalam kajian awal yang dilakukan oleh Muzammil dan Noor Khaironisa’ (2008) terhadap gaya kepimpinan pengetua di dua buah sekolah menengah daerah Kluang, Johor, Kepimpinan Paksaan (*Coercive Leadership*) mencatatkan nilai min yang terendah di antara gaya-gaya kepimpinan yang lain iaitu pada catatan 2.60. Ini menunjukkan gaya jenis ini tidak begitu diamalkan atau diamalkan dengan kadar amat sederhana di kalangan pengetua. Dari segi penglibatan ibu bapa, pemimpin

sekolah yang mengenakan gaya ini memaksa pihak ibu bapa pelajar melalui arahan atau peraturan tertentu. Misalnya peraturan hadir ke sekolah. Pelajar yang didapati gagal hadir maka ibu bapa wajib menyertakan surat cuti sakit daripada doktor. Keengganan pihak ibu bapa dalam menyatakan ketidakhadiran anaknya akan membawa kepada tindakan tegas seperti siasatan sekolah, sesi kaunseling dan ditukarkan ke sekolah lain. Contoh lain adalah program pembuangan sampah di sekolah. Ibu bapa digesa supaya memastikan anak-anak mereka membawa pulang sampah sendiri dari sekolah untuk dibuang di rumah. Ini disebabkan undang-undang yang telah ditetapkan di sekolah bahawa setiap sampah sendiri harus diurus sendiri oleh murid-murid dalam beg plastik sampah khas.

Secara umumnya untuk mengkaji kepemimpinan seseorang pemimpin itu dapat diklasifikasikan kepada 2 bahagian. Pertama dengan melihat kepada perhubungan pemimpin dan kedua dengan memfokus kepada tingkahlaku-tugas. Blake dan Moutan sejak awal 1960an telah membahagi penyelidikannya terhadap kepemimpinan kepada *relationship behavior* dan *task behavior*. Gaya kepemimpinan seperti autokratik, demokratik dan *laissez-fair* seringkali menjadi tema-tema bagi mengukur seseorang pemimpin sebelum ini. Untuk itu, kajian ini akan menumpukan terhadap penggunaan 6 gaya kepemimpinan oleh Daniel Goleman tahun 2000 berasaskan kepada *relationship behavior* terhadap tahap penglibatan ibu bapa.

Sekolah Rendah Agama Bersepadu (SRAB) Muar merupakan sebuah sekolah aliran agama yang berjaya. Sumber daripada lawatan pengkaji ke sekolah tersebut (Romli Ali, komunikasi peribadi, 15 Mei 2013) telah mengenalpasti pencapaian peperiksaan UPSR pelajar adalah unik serta istimewa saban tahun. Walaupun ia mengalami pasang surutnya, tetapi persoalan dari mana datangnya kekuatan 'sekolah agama petang' ini dapat memanipulasi pencapaian peperiksaan keramat itu menjadi tanda tanya pengkaji. Pada tahun 2005 seramai 16 orang pelajar mendapat keputusan 5A dalam UPSR daripada 73 orang kandidat. Jumlah ini menurun separuh pada tahun berikutnya kepada 8 orang sahaja. Pada tahun 2007 pencapaian sekolah ini telah dipulihkan apabila lonjakan seramai 17 orang daripada 76 calon UPSR telah

berjaya mendapat keputusan 5A. Malahan seramai 19 orang pula telah berjaya mendapat keputusan sekurang-kurang 4A 1B. Namun pada tahun berikutnya iaitu tahun 2008, sekolah ini telah berjaya mencatat jumlah tertinggi dalam tempoh 4 tahun penubuhan dengan jumlah 22 orang pelajar yang telah berjaya mendapat keputusan 5A dalam peperiksaan itu.

Dalam konteks kokurikulum, pada tahun 2012 sebanyak 15 pingat emas telah berjaya diperolehi di kalangan pelajar sekolah ini dalam pelbagai acara sukan pada pertandingan Ihtifal Sukan SRAB negeri Johor. Ini diikuti pingat perak sebanyak 7 buah dan gangsa sebanyak 12 buah. Dominasi pingat emas dari kalangan pelajar sekolah ini menggambarkan situasi guru-guru yang penuh bersemangat mengajar para pelajar sungguhpun usia sekolah SRAB ini ditubuhkan masih muda. Adalah menjadi kekuatan sekolah agama ini bahawa pada tahun 2012 seramai 6 orang tenaga pengajar sekurang-kurangnya adalah pemilik ijazah dalam bidang-bidang tertentu dari pelbagai institusi pendidikan di seluruh negara. Jelas di sini bahawa sekolah aliran agama kini bukan lagi sebuah institusi lekeh dan ketinggalan. Sekolah agama merupakan suatu permintaan baru masyarakat di negara ini khususnya rakyat negeri Johor pada masa akan datang.

Alaf baru pendidikan kini menitik-beratkan penglibatan ibu bapa dalam pendidikan pelajar. Ia merupakan suatu keperluan yang mesti dilaksanakan oleh setiap institusi pendidikan yang ingin berjaya. Dalam hadis nabi juga banyak menjelaskan tentang tuntutan ibu bapa mengambil berat terhadap pendidikan anak-anak. Ibnul Qayyim al-Jauziyah: Raisya Maula (2013) menyatakan bahawa; ibu bapa yang mengabaikan pendidikan anaknya daripada hal-hal yang bermanfaat serta meninggalkannya secara sia-sia bererti dia telah berbuat buruk kepada anak seburuk-buruknya. Kebanyakan anak menjadi rosak adalah disebabkan orang tuanya, kerana tidak adanya perhatian kepada mereka serta tidak diajarkan kewajipan-kewajipan agama dan sunnah-sunnahnya.

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini dijalankan adalah seperti berikut;

- 1) Menenalpasti gaya kepimpinan guru besar Sekolah Rendah Agama Bersepadu (SRAB) Muar berdasarkan konsep enam gaya kepimpinan Daniel Goleman (2000).
- 2) Menenalpasti amalan penglibatan ibu bapa di Sekolah Rendah Agama Bersepadu (SRAB) Muar berdasarkan enam elemen dalam Program Sarana Sekolah (2013).
- 3) Menenalpasti tahap hubungan gaya kepimpinan guru besar terhadap penglibatan ibu bapa di Sekolah Rendah Agama Bersepadu (SRAB) Muar.

1.5 Persoalan Kajian

Berpandukan objektif kajian, persoalan kajian ini dibina untuk menenalpasti :

- i) Apakah gaya kepimpinan yang kerap diamalkan oleh guru besar Sekolah Rendah Agama Bersepadu (SRAB) Muar berpandukan 6 gaya kepimpinan Daniel Goleman (2000).
- ii) Apakah elemen penglibatan yang kerap diamalkan oleh ibu bapa di Sekolah Rendah Agama Bersepadu (SRAB) Muar berpandukan 6 elemen di dalam Program Sarana Sekolah (2013).

- iii) Apakah tahap hubungan antara gaya kepimpinan guru besar terhadap penglibatan ibu bapa di Sekolah Rendah Agama Bersepadu (SRAB) Muar.

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini dilakukan atas beberapa rasional yang telah difikirkan. Ia melibatkan kepentingan bersama pelbagai pihak terlibat di dalam dunia pendidikan. Berikut adalah kepentingan kajian ini:

- i. Menggalakkan guru besar dan pengetua supaya memperbanyakkan usaha atau memperkasakan lagi usaha ke arah memimpin ibu bapa agar terlibat di dalam proses pendidikan di sekolah.
- ii. Membantu merealisasikan hasrat negara menjayakan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 - 2025 seterusnya dapat membangunkan masyarakat di negara ini dalam usaha mencapai status negara maju.
- iii. Mempromosikan sekolah aliran agama khususnya Sekolah Rendah Agama Bersepadu (SRAB) di negeri Johor. Sistem sekolah yang menyatu-padukan aspek akademik dan agama dalam satu sesi pembelajaran ini seharusnya menjadi kecenderungan ibu bapa untuk menghantar anak-anak mereka agar berjaya di dunia dan akhirat.
- iv. Memberi sumbangan dalam bidang pegurusan dan pentadbiran sekolah. Semoga kajian ini memberikan manfaat kepada semua pengkaji bidang

kepimpinan dan Sarana terutama para penuntut pada masa akan datang. Semoga Allah menganugerahkan kejayaan total kepada kalian pencinta ilmu.

1.7 Batasan Kajian

Kajian yang dijalankan ini dibahagikan kepada had batasan tertentu. Ini membantu kerja-kerja penelitian terkhusus kepada skop-skop yang lebih tepat. Ia juga diharapkan agar dapat mengawal kajian supaya tidak tersasar daripada objektif yang telah dicadangkan. Berikut adalah batasan kajian ini :

- i. Kajian kes ini hanya dijalankan di Sekolah Rendah Agama Bersepadu (SRAB) daerah Muar sahaja.
- ii. Persampelan hanya diambil daripada warga sekolah dan ibu bapa Sekolah Rendah Agama Bersepadu (SRAB) daerah Muar sahaja. Mereka terdiri daripada guru besar, guru-guru, jawatankuasa PIBG dan ibu bapa pelajar.
- iii. Kajian ini dijalankan dengan mengedarkan Borang Soal Selidik Gaya Kepimpinan dan Soal Selidik Penglibatan Ibu Bapa kepada responden yang terpilih.
- iv. Fokus kajian ini adalah kepada gaya kepimpinan guru besar menjurus kepada penglibatan ibu bapa dalam program sekolah. Konsep kepimpinan Daniel Goleman (2000) serta enam elemen di dalam Program Sarana Sekolah (2013) Kementerian Pelajaran Malaysia akan menjadi asas panduan kajian.
- v. Analisis data dijalankan secara statistik mudah dan statistik inferens.

- vi. Tempoh kajian adalah selama satu tahun iaitu bermula 1 Januari hingga 31 Disember 2013 sahaja.

- vii. Kajian ini ditanggung kos sepenuhnya oleh pengkaji.

1.8 Definisi Operasi

Di dalam kajian ini, pengkaji akan menerangkan beberapa istilah penting dengan lebih terperinci dan istilah-istilah tersebut hanyalah benar dalam skop kajian ini. Definisi istilah dapat mengawal kata kunci yang dimaksudkan dalam setiap penjelasan supaya tidak menjadi kabur.

1.8.1 Gaya Kepimpinan

Gaya kepimpinan telah didefinisikan oleh segenap lapisan sarjana. Menurut Abdul Ghani, Abd. Rahman dan Mohammed Zohir (2010), gaya kepimpinan adalah menjurus kepada tingkah laku seseorang pemimpin. Regina (2010) dan Suranta (2002) bersetuju bahawa gaya kepimpinan adalah norma perilaku yang digunakan oleh seseorang pemimpin pada saat orang tersebut cuba mempengaruhi perilaku orang lain atau pengikut. Merujuk Kurt Lewin (1939), gaya kepimpinan adalah perkara dan pendekatan untuk mengemukakan arahan, mengimplementasikan dan memotivasikan orang ramai. James et al (1996) pula mengatakan gaya kepimpinan adalah pelbagai pola tingkah laku yang disukai oleh pemimpin dalam proses mengarahkan dan mempengaruhi pekerja.

Dalam kajian ini, gaya kepemimpinan ditakrifkan sebagai pendekatan khusus yang dipilih seorang guru besar menggunakan pelbagai kemahiran dimiliki serta autoriti yang dimiliki sebagai alat untuk mempengaruhi warga sekolah supaya bekerja kuat untuk mencapai objektif organisasi.

1.8.2 Guru Besar

Guru besar dalam konteks kajian ini adalah seorang pegawai yang bertanggungjawab mengurus dan mentadbir sekolah rendah dengan autoriti dan berdedikasi. Dalam hierarki di sekolah rendah, kedudukan guru besar sebagai kedudukan tertinggi yang memimpin semua warga sekolah ke arah mencapai misi, visi, matlamat dan objektif sekolah.

1.8.3 Penglibatan Ibu bapa

Dalam satu hadis sahih riwayat Bukhari, Nabi Muhammad S.A.W bersabda :

“ Setiap anak itu dilahirkan dalam keadaan fitrah (suci) maka ibu bapanyalah yang menjadikannya sebagai seorang Yahudi atau Nasrani atau Majusi ”

Mengaitkan kajian terhadap hadis ini dapat dirumuskan bahawa ibu bapa benar-benar terlibat dalam proses perkembangan anak-anak. Merekalah yang bertanggungjawab mencorakkan anak-anak samada ke arah kebaikan ataupun keburukan.

Henderson dan Mapp (2002), mengkhususkan ibu bapa sepatutnya banyak terlibat dalam tumpuan berasaskan aktiviti di sekolah (*school-based*). Pusat Jagaan Kanak-Kanak MPK (2010) mendefinisikan penglibatan ibu bapa sebagai suatu proses di mana ibu bapa melibatkan diri dalam pelbagai kegiatan untuk memperkukuhkan amalan asuhan yang sedia ada dan memperkayakan perkembangan anak-anak.

Terdapat beberapa sebab untuk membina hubungan berjaya antara ibu bapa dan sekolah. Ibu bapa adalah pengajar yang utama dan berkesinambungan bagi anak-anak mereka (Saulwick Muller, 2006). Tanpa penglibatan ibu bapa prestasi pelajar adalah menjadi lebih rendah daripada apa yang sepatutnya mereka layak terima (Leithwood dan Steinbach, 2002). Penglibatan ibu bapa dalam pendidikan adalah positif berhubung terhadap pencapaian akademik, kedatangan sekolah, perangai pelajar dan disiplin, kualiti program (Michael, Dittus dan Epstein, 2007 ; Leithwood dan Steinbach, 2002) dan pengetahuan serta pemahaman tentang program sekolah dan segala aktiviti (Saulwick Muller, 2006).

Oleh itu, dalam kajian ini penglibatan ibu bapa memberi maksud apa-apa program atau aktiviti sekolah yang mana ibu bapa telah mengambil inisiatif untuk melibatkan diri secara ikhlas dan berkomitmen demi perkembangan kemajuan anak-anak mereka.

1.9 Rumusan

Bab pertama dalam kajian ini menjelaskan perihal tajuk kajian secara menyeluruh. Adalah menjadi tanggungjawab kepada guru besar untuk memajukan sekolah dan mentadbir sekolah agar mencapai kecemerlangan semaksima yang mampu dikecapi. Ibu bapa pula bertanggungjawab memberikan peluang pendidikan kepada zuriat yang mereka lahirkan. Walaubagaimanapun, kini para ibu bapa dan ahli komuniti sekolah dilihat berpotensi besar dalam membantu pihak sekolah terlibat secara fizikal dan teknikal untuk mencapai hasrat tersebut. Apa pun kata kunci yang dapat dirumuskan adalah ; Sikap responsif.

BIBLIOGRAFI

- Abdul Halim Paijalah (2012). *Faktor Yang Mendorong Ibu Bapa Menghantar Anak-anak Mereka Ke Sekolah Aliran Agama Swasta Kajian Kes Di Sekolah Islam Hidayah (SIH) Johor Bahru*. Laporan Kajian. Universiti Teknologi Malaysia.
- Abdullah Hassan, Ainon Mohd (2007). *Teori Dan Teknik Kepimpinan; Panduan Aplikasi Di Tempat Kerja*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Abu Bakar Nordin (1994). *Reformasi Pendidikan Dalam Menghadapi Cabaran 2020*. Kuala Lumpur; Nurin Enterprise.
- Abdul Ghani Abdullah (2009). *Kepimpinan dan Penambahbaikan Sekolah*. Batu Caves, Selangor; PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Abdul Ghani Abdullah, Abd. Rahman Abd. Aziz, Mohammed Zohir Amad (2010). *Gaya-gaya Kepimpinan Dalam Pendidikan*. Batu Caves, Selangor: PTS Publishing Sdn. Bhd.
- Abdul Rahim Hamdan (2011). *Falsafah Dan Pemikiran Pendidikan*. Johor Bahru: UTM Press, Universiti Teknologi Malaysia.

- Amir Azlan Muhammad (2002). *Penglibatan Ibu Bapa / Penjaga Dalam Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) Di Sekolah Kebangsaan Taman Universiti 1, Skudai Johor*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Attabik Luthfi. *Pengurusan Sumber Manusia Cara Rasulullah S.A.W*. Kuala Lumpur: S.A Majeed & co. Sdn. Bhd.
- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaluddin Ramli, Yusof Boon, Abdul Rahim Hamdan (2006). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Professional.
- Bashah Abu Bakar (2007). *Kaedah Analisis Data Penyelidikan Ilmiah*. Cheras, Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Chek Mat (2007). *Kemahiran Memimpin*. Cheras, Kuala Lumpur: Utusan Publishing & Distributors Sdn. Bhd.
- Daniel Goleman (1996). *Emotional Intelligence: Why It Can Matter More Than IQ*. London: Bloomsbury Publishing Plc.
- Daniel Goleman (1998). *Working With Emotional Intelligence*. United State & Canada: Bantam Books.
- Dr. Shaker Mustafa (2012). *Mudahnya Coaching & Mentoring; Kaedah Transformasi Berkesan Minda Dan Sikap Insan Cemerlang*. Kuala Lumpur: Inteam Publishing Sdn. Bhd.
- H. Zainuddin Hamidy, H. Fachruddin Hs, H. NNasharuddin Thaha, Johar Arifin, A. Rahman Zainuddin (1997). *Terjemahan Hadis Shahih Bukhari Jilid I, II, III dan IV*. Selangor: Klang Book Centre.

- Hussien Mahmood (2008). *Kepimpinan dan Keberkesanan Sekolah Edisi Ke Dua*. Selangor: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Ismail Noor (2002). *Prophet Muhammad's Leadership; The Paragon Of Excellence; Altruistic Management; A Cross-Application To Modern Management And Leadership Practice*. Cheras, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Jaafar Muhammad, Mohd Hizam Hanafiah, Zafir Mohd Makhbul (2008). *Pengantar Pengurusan*. Petaling Jaya, Selangor: Leeds Publications (M) Sdn. Bhd.
- Jabir Qamihah, Abdul Hadi Basulthonah (1993). *Rasulullah S.A.W Pemimpin Teladan*. Kuala Lumpur: Dinie Publishers.
- John C. Maxwell (2011). *Rahsia Seni Berhubung; Everyone Communicates Few Connect; Edisi Bahasa Melayu*. Batu Caves, Selangor: PTS Publishing Sdn. Bhd.
- John C. Maxwell (2009). *The 360° Leader; Pemimpin 360° Edisi Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2007). *Jurnal Pengurusan Dan Kepimpinan Pendidikan Jilid 17 Bil. 01*. Sri Layang, Genting Highlands: Institut Aminuddin Baki.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2007). *Jurnal Pengurusan Dan Kepimpinan Pendidikan Jilid 17 Bil. 02*. Sri Layang, Genting Highlands: Institut Aminuddin Baki
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2013). *Sarana Ibu Bapa*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia

Kementerian Pendidikan Malaysia (2003). *Kajian Penglibatan PIBG di Sekolah Rendah*. Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP), Kuala Lumpur.

Kementerian Pendidikan Malaysia (2013a). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Kementerian Pelajaran Malaysia (2013b). *Sarana Sekolah*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia

Kementerian Pendidikan Malaysia (2010c). *Pembangunan Pendidikan 2001-2010 Perancangan Bersepadu Penjana Kecemerlangan Pendidikan*. AG Grafik Sdn. Bhd.

Lokman Mohd Tahir (2010). *Teori Kepimpinan: Kepimpinan Dalam Pendidikan*. Universiti Teknologi Malaysia.

Lokman Mohd Tahir, Mohd Anuar Abd. Rahman (2011). *Orientasi Kepimpinan Pengetua Sekolah*. Johor Bahru: UTM Press, Universiti Teknologi Malaysia.

Lokman Mohd Tahir, Khadijah Daud, Mohd Anuar Abdul Rahman, Ahmad Marzuki Mohamad (2012). *Teori Dan Model Kepimpinan Dalam Pendidikan*. Universiti Teknologi Malaysia.

Masnur Hamzah; Jamal Hasan Sa'd Madhi (2012). *Quranic Leadership; Seni Memimpin Gaya Al-Quran*. Batu Caves, Selangor: PTS Islamika Sdn. Bhd.

Mohd Hairudin Amin, Kamarul Azmi Jasmi (2012). *Sekolah Agama Di Malaysia; Sejarah Isu Dan Cabaran*. Johor Bahru: UTM Press, Universiti Teknologi Malaysia.

Mohd Majid Konting (2000). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Edisi ke 5. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

- Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar (2000). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar (2003). *Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan*. Johor Bahru: UTM Press, Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Nazir Mohd Yunus (2012). *Amalan Kerja Berpasukan Persatuan Ibu Bapa Dan Guru Sebuah Sekolah Kluster Kecemerlangan Di Daerah Pontian, Johor*. Laporan Kajian. Universiti Teknologi Malaysia.
- Mok Soon Sang (2008). *Bimbingan dan Latihan Persediaan MEDSI dan Temuduga*. Puchong, Selangor; Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Moong Sow Kuan (2009). *Peranan Ibu Bapa Dalam Persatuan Ibu Bapa Dan Guru (PIBG) Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Di Kulai, Johor*. Jurnal Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia.
- Muhammad Ismail Muhammad (1995). *Suri Teladan Rasulullah Uswatun Hasanah*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers.
- Norhayati Rafida Abdul Rahim, Shazleen Mohamed (2004). *The Practice Of Human Communication*. McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Noriati A. Rashid, Boon Pong Ying, Wong Kiet Wah (2010). *Asas Kepimpinan Dan Perkembangan Profesional Guru*. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Norzalinda Md Lazim (2004). *Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Penglibatan Ibu Bapa Dalam Aktiviti PIBG Di Sekolah Menengah Akademik Luar Bandar Di Jitra, Kedah*. Laporan Projek Sarjana Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia.

Haji Kamdi Bin Kamil, Dr. Haji Shahrom Bin Husain, Haji Abdullah Bin Dato' Haji Mohd. Nor, Ahmad Bahri Bin Maudi, Haji Norashid Bin Mohamed Yasin, Zahidah Binti Md. Yusoff, Haji Baharol Din Bin Hassan, Norli Binti Md. Nor (2003). *Jauhar Bil. 5 Disember 2003*. Jurnal Sejarah Johor. Johor Bahru: Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Johor.

Panel Akademi Pengurusan YaPeIM (2010). *Pengurusan Islami Menghayati Prinsip dan Nilai Qurani*. Kuala Lumpur: Akademi Pengurusan YaPEIM Sdn. Bhd.

Rahimah Abdul Aziz, Rahmat Sariipan (2002). *Pendidikan Asas Kemajuan Minda dan Material di Johor*. Johor Bahru: Yayasan Warisan Johor.

Raisya Maula Ibnu Rusyd (2011). *Kesalahan Ibu Bapa Dalam Mendidik Anak*. Batu Caves, Selangor: Al-Hidayah House Of Publishers Sdn. Bhd.

Rosinah Edinin (2012). *Penyelidikan Tindakan Kaedah dan Penulisan*. Kuala Lumpur: Freemind Horizons Sdn. Bhd.

Sekolah Rendah Agama Bersepadu (SABK) Daerah Muar (2013). *Pengurusan Sekolah 2013*. Sekolah Rendah Agama Bersepadu (SRAB) Muar.

Sekolah Rendah Agama Bersepadu (SRAB) SABK Daerah Muar (2013). *Buku Program Mesyuarat Agung PIBG Kali ke-14 dan Majlis Anugerah Kecemerlangan Pelajaran 2012*. Sekolah Rendah Agama Bersepadu (SRAB) Muar.

Shamsina Shamsuddin (2013). *Penggubalan Item Ujian*. Kuala Lumpur: Freemind Horizons Sdn. Bhd.

Sheikh Abdul Fattah Abu Ghuddah (2011). *40 Strategi Pendidikan Rasulullah*. Cheras, Kuala Lumpur: Green Continuum Sdn. Bhd.

Sulaiman Masri (2005). *Kaedah Penyelidikan dan Panduan Penulisan Essei, Proposal, Tesis*. Kuala Lumpur: Utusan Publishing & Distributors Sdn. Bhd.

Suziana Che Wil (2007). *Cabaran dan Masa Hadapan Pelajar*. Kuala Lumpur: Pustaka Segar.

Tajularipin Sulaiman, Wan Zah Wan Ali (2008). *Memperkasa Pendidikan Negara; Isu Dan Cabaran*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.

Yusof Ismail (2004). *Mengurus Secara Islam; Model Dan Prinsip-prinsip Pengurusan Islam Bagi Individu Dan Organisasi*. Kuala Lumpur: A.S. Noordeen.

Zainon Omar dan Ahmad Esa (2009). *Persepsi Guru Terhadap Hubungan Pihak Sekolah Dengan Ibu Bapa*. Seminar Kebangsaan Laporan Pendidikan. Universiti Tun Hussein Onn.

Zakiah Jamaluddin (2012). *Remaja Dan Kawalan Sosial Informal*. Kedah: Universiti Utara Malaysia Press.

____ (24 Febuari 2013) bharian/articles/Saranaibubapa_sekolahdilancar/Article. Berita Harian online . Dimuat turun dari <http://www.bharian.com.my/>

____ (3 Disember 2013) Daniel_Goleman. Dimuat turun dari <http://en.wikipedia.org/>.

____ (24 Disember 2012). Teks Ucapan YAB Timbalan Perdana Menteri Merangkap Menteri Pelajaran Malaysia Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) Pendaftaran Sekolah-sekolah Agama Negeri Johor Sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). Dimuat turun dari <http://www.moe.gov.my/>

____(15 Januari 2014). *Programme for International Student Assessment*. Dimuat turun dari <http://en.wikipedia.org/>.